

FAQ PELAPORAN PENTAKSIRAN SEKOLAH RENDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

S1 Apa itu Pentaksiran Psikometrik (PPsi)?

J1 Pentaksiran Psikometrik (PPsi) ialah satu kaedah yang digunakan secara sistematik untuk mengumpul maklumat yang menggambarkan tret (ciri-ciri) psikologi seperti aptitude kebolehan semulajadi (*innate ability*) dan kebolehan yang diperolehi (*acquired ability*), mengenal personaliti dan minat kerjaya murid.

S2 Apa tujuan PPsi?

J2 Tujuan PPsi ialah untuk mengukur kebolehan murid secara tepat dan lebih mendalam dari segi minat, sikap, personaliti, kecenderungan, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah supaya potensi murid dapat diserlahkan secara optimum.

S3 Apakah yang diukur dalam PPSi- Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKeP)?

J3 Bagi sekolah rendah murid diukur berdasarkan Ujian Aptitud Khusus dengan menggunakan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKeP) bagi mengenal pasti sama ada murid memiliki kecerdasan seperti berikut:

1. Verbal Linguistik
2. Visual Ruang
3. Logik Matematik
4. Muzik
5. Naturalis
6. Kinestatik
7. Interpersonal
8. Intrapersonal dan
9. Eksistensial

S4 Bagaimanakah dapatan PPSi boleh membantu sekolah dan apakah yang boleh diharapkan daripada PPSi ini?

- J4
- i. PPSi diharapkan dapat memberi impak kepada murid, ibu bapa dan masyarakat umum dalam mengenal pasti kecenderungan murid, minat dan potensi murid/anak-anak.
 - ii. Selain itu, PPSi juga membantu guru merancang pengajaran dan pembelajaran, serta intervensi yang lebih berkesan dan bersesuaian dengan minat murid.

- iii. Data IKeP juga boleh membantu KPM dan sekolah membuat perancangan yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran untuk memperkasakan dasar-dasar pendidikan serta merealisasikan hasrat negara.

S5 Apakah kegunaan data PPsi kepada sekolah?

- J5 i. PPsi dapat membantu pihak sekolah dalam penempatan murid dan aliran ke tingkatan satu di Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), sekolah harian mahu pun sekolah aliran agama.